

01 DEC 1999

DR MAHATHIR MENGADAP AGONG

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini mengadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Selangor di sini.

Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri Tan Sri Abdul Aziz Ismail berkata, Dr Mahathir selaku pengerusi Barisan Nasional (BN) mengadap Sultan Salahuddin bagi memaklumkan yang BN memperolehi lebih dua pertiga kerusi Dewan Rakyat pada pilihan raya umum ke-10 dua hari lepas.

"Perdana Menteri pohon untuk menubuhkan kerajaan baru dan akan megemukakan cadangan keanggotaan Kabinet kepada Yang di-Pertuan Agong minggu depan," katanya kepada BERNAMA sebelum memasuki Istana Selangor.

Bagaimanapun Abdul Aziz berkata, tarikh untuk megemukakan cadangan keanggotaan itu belum dipastikan lagi.

Perdana Menteri kelihatan memasuki Istana Selangor pada pukul 7.50 pagi dan beredar pada 8.25 pagi. Pada pilihan raya ini, BN yang terdiri daripada 14 parti komponen memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Datuk Omar Hashim tiba di Istana Selangor pada 8.15 pagi.

Omar yang ditemui BERNAMA berkata, beliau mengadap Sultan Salahuddin untuk mempersembahkan keputusan rasmi pilihan raya.

"Ini sebagai urusan rasmi yang memang dibuat untuk menamatkan segala urusan pilihan raya," katanya.

Beliau yang diiringi oleh setiausaha SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar, meninggalkan Istana Selangor pada 8.50 pagi.

-- BERNAMA

HS PR